



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Johor
Jalan Tun Abdul Razak
80604, Johor Bahru
Johor Darul Ta'zim

Telefon : 07-231 0000
Pengarah : 07-231 0198
Timbalan : 07-231 0191
Faks : 07-234 7132
Laman Web : www.jpnhor.moe.gov.my
E-mel : jpn.johor@moe.gov.my

Ruj. Kami : JPNJ.SPMICT(21)/100-13/3/3 JLD. 8 (29)
Tarikh : // Jun 2017

Pegawai Pendidikan Daerah
Pejabat Pendidikan Daerah

Tuan,

MAKLUMAN PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) PENGURUSAN PERANTI YES ALTITUDE

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Bersama-sama ini disertakan salinan surat dari Kementerian Pendidikan Malaysia no rujukan KP(BTP-PENT)S/8800/50/26 Jld. 8 (67) tarikh 08 Jun 2017 yang dengan jelas menerangkan maksudnya untuk perhatian dan tindakan pihak tuan selanjutnya.

3. Penggunaan **Prosedur Operasi Standard (SOP)** baharu ini berkuatkuasa mulai 8 Jun 2017. Oleh yang demikian, **SOP** dan **borang-borang** yang dikeluarkan melalui surat JPN Johor JPNJ.SPMICT(21)/100-13/3/3 JLD. 7(57) bertarikh 2 April 2017 dan JPNJ.SPMICT(21)/100-13/3/3 JLD. 7(67) bertarikh 20 April 2017 adalah terbatal.

4. Pihak tuan dimohon untuk memaklumkan perkara ini kepada semua sekolah di bawah pentadbiran tuan. Sekiranya pihak tuan mempunyai pertanyaan, sila hubungi pegawai kami, Encik Isfandi Adi bin Ahmad di talian 07-2310181. Segala kerjasama dan perhatian tuan amat kami hargai. Harap maklum.

Sekian, terima kasih.

"SEHATI SEJIWA"
'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,



(AZMAN BIN ADNAN)

Timbalan Pengarah Pendidikan Negeri Johor
b.p Pengarah Pendidikan Negeri Johor

sk. 1. Ketua Penolong Pengarah, BTPN Johor

IA/sm-SPMICT17-1Bestarinet(60)





Ruj. Kami: KP(BTP-PENT)S/8800/50/26 Jld 8 (67)
Tarikh: 8 Jun 2017 / 13 Ramadhan 1438H

Semua Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri

YBhg Dato' / Datuk / Tuan / Puan,

**MAKLUMAN PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) PENGURUSAN
PERANTI YES ALTITUDE**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa bahagian ini bersama pihak YTL Communications Sdn. Bhd. telah menyediakan SOP pengurusan peranti YES Altitude, bertujuan sebagai rujukan dalam membantu Bahagian KPM, JPN, PPD dan sekolah melancarkan pelaksanaan projek Pelan Data Guru di sekolah-sekolah KPM yang terlibat. SOP ini telah melalui beberapa proses perincian dan pemurnian yang berpandukan Perjanjian Kontrak Perkhidmatan 1BestariNet Fasa 2 (KPM/41/2016/06/0001). Dokumen SOP tersebut dan borang-borang yang berkaitan boleh didapati melalui pautan berikut:

<http://goo.gl/S01nZW>

3. Sehubungan itu, besarlah harapan kami sekiranya perkara ini dapat dimaklumkan kepada sekolah-sekolah yang terlibat. Dokumen ini adalah sesuai untuk digunakan pada masa ini dan sebarang perubahan dan penambahbaikan akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

4. Bagi memastikan kelancaran proses operasi dan urus tadbir pembekalan mahupun penamatan perkhidmatan Pelan Data Guru ini, dimohon kerjasama dan jasa baik pihak Jabatan Pendidikan Negeri jua untuk melengkapkan Borang Service Order secara atas talian berdasarkan permohonan guru yang telah diperakukan melalui pautan seperti berikut:

<https://sekolahmayakpm.1bestarinet.net/teacherdataplan>

KS spm

Tirdasen

AZMAN BIN ADNAN
TPPJ



5. Untuk maklumat lanjut, YBhg Dato' / Datuk / tuan / puan dimohon menghubungi **Puan Maimunah Mohd Tahir** (03-20818060 / maimunah@moe.gov.my) atau **Encik Shazril Helmi Samsudin** (03-20817780 / shazril@moe.gov.my). Di atas kerjasama dan perhatian YBhg Dato' / Datuk / tuan / puan berkenaan perkara ini, saya dahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"SEHATI, SEJIWA"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(ZAIDI BIN YAZID)
Pengarah
Bahagian Teknologi Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k.

- 1) Semua Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri